

22/11/1997

Ambil alih Renong: Kerajaan tidak dirujuk

LABUAN, Jumaat - Kerajaan tidak diberitahu mengenai urusan penyusunan semula syarikat Renong Berhad dan United Engineering Malaysia (UEM) baru-baru ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kedua-dua pihak pengurusan syarikat terbabit bertindak sendirian tanpa merujuk kepada kerajaan terlebih dulu.

"Tindakan itu bukan keputusan atau atas nasihat Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) atau Penasihat Ekonomi Kerajaan (Tun Daim Zainuddin)," katanya pada majlis makan malam tahunan Industri Pesisir Pantai di Ujana Kewangan di sini, malam ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau sedih kerana kerajaan turut dibabitkan dalam masalah yang timbul berikutan tindakan syarikat terbabit.

"Walaupun tindakan pembelian saham berkenaan adalah keputusan pihak swasta, sekiranya terdapat sesuatu yang tidak mengikut peraturan dan sekiranya saya menerima laporan daripada Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL, kita akan memutuskan sama ada siasatan penuh perlu dijalankan ataupun tidak," katanya.

Anwar berkata, kerajaan tidak akan bertolak ansur sekiranya tindakan berkenaan membabitkan prinsip akauntabiliti dan ketelusan pentadbiran.

"Kerajaan akan bertindak sekiranya perlu bagi melindungi semua pemilik saham sama ada majoriti atau minoriti supaya pasaran saham dan kerajaan tidak dibebankan dengan masalah," katanya.

Mengenai projek Bakun, Anwar berkata, ada sesetengah pihak menganggap tindakan kerajaan mengambil alih projek bernilai RM13.6 bilion itu bertujuan menyelamatkan syarikat Ekran dan pengerusinya, Tan Sri Ting Pek Khiing.

"Sebagai kerajaan, kita terpaksa mengambil keputusan.

"Adakah dengan membatalkan projek yang hampir 75 peratus siap kita boleh membiarkan saja ia terbengkalai semata-mata mengikut pandangan orang ramai supaya projek berkenaan terus dibatalkan?" katanya.

Anwar berkata, kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya membiarkan projek berkenaan terbengkalai kerana ia membahayakan keselamatan rakyat dan alam sekitar.

"Kita tidak boleh meninggalkan terowong yang sedang dibina begitu saja kerana ia membahayakan penduduk berhampiran dan juga menjejaskan alam sekitar," katanya.

(END)